

BAB 4

PENGANALISAAN DATA

4.0 Pengenalan

Bab ini memberi tumpuan kepada strategi penghasilan lisan oleh pelajar bahasa kedua dalam Bahasa Inggeris. Bentuk strategi komunikasi yang ditemui dikenal pasti dan data transkrip dianalisa. Pengkaji juga berusaha untuk memberi kesimpulan bagi setiap jenis strategi yang digunakan oleh informan untuk menyampaikan mesej. Dalam kajian ini strategi yang digunakan dan cara penyampaian mesej ditentukan oleh penguasaan bahasa dan kecekapan linguistik pelajar untuk menyampaikan ujaran dengan berkesan dalam Bahasa Inggeris.

4.1 Kriteria Mengenal Pasti Strategi Komunikasi

Sebagai panduan untuk mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan oleh informan dalam data kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada beberapa kriteria yang dicadangkan oleh tokoh-tokoh dalam bidang ini seperti Faerch dan Kasper, 1983b; dan Tarone, 1983.

Menurut mereka, strategi komunikasi dapat dikesan sekiranya terdapat kriteria berikut:-

- (i) struktur ayat yang janggal;
- (ii) keinginan untuk menyampaikan maksud tetapi tidak berupaya berbuat demikian;
- (iii) mencuba cara lain untuk menyampaikan maksud seperti penghampiran, parafrasa dan sebagainya supaya maksud yang ingin disampaikan itu dapat dikongsi oleh pendengar;
- (iv) melakukan pengelakan apabila keupayaan linguistik penutur berkenaan tergugat;
- (v) komunikasi tergendala seketika;
- (vi) mengguna unsur paralinguistik seperti rayuan kerjasama secara tidak langsung, mimik muka dan seumpamanya.

4.2 Analisa Data Transkrip

Boleh dikatakan semua informan dalam kajian ini sedikit sebanyak menggunakan strategi apabila bercerita atau menghasilkan ujaran. Malah semasa tugasan perbualan juga terdapat informan menggunakan strategi agar perbualan mereka tidak tergendala.

Dalam kajian ini, tugasan lisan bercerita berpandukan 6 gambar bersiri yang bertajuk "The Chase". Berdasarkan data yang diperolehi didapati beberapa orang informan yang kurang fasih mengalami masalah

komunikasi lantas memperlihatkan penggunaan strategi komunikasi semasa bercerita. Informan juga mengalami kesukaran untuk bercerita dengan lancar oleh kerana perkataan yang diperlukan tidak dibekalkan dan juga ketiadaan sebarang maklumat atau perbualan oleh watak-watak dalam gambar tersebut.

Gambar pertama dan akhir dalam cerita ini menggambarkan dengan jelas apa yang berlaku pada permulaan dan pengakhiran cerita. Jalan ceritanya juga agak senang difahami oleh informan dan pendengar dapat memahami cerita yang hendak disampaikan. Namun gambar pertama memberi kebebasan kepada informan untuk menyatakan dengan betul benda yang tercicir. Oleh yang demikian, informan memberi tafsiran yang berbagai mengikut kreativiti masing-masing. Ada yang menggunakan perkataan '*box*', '*box of nugget*', '*box of shoes*', '*box of candies*', *box of chocolates*', dan ramai juga yang menggunakan perkataan '*present*'. Tidak seorang pun informan yang dapat memberi dengan tepat perkataan sasaran iaitu '*parcel*'. Dengan ini secara tidak langsung, penyelidik dapat mengesan sama ada

informan dapat mengguna perkataan yang betul dan tepat serta menyampaikan mesej dengan jelas berdasarkan kepada gambar yang dilihatnya.

Dalam tugasan lisan separuh berpandu, informan bercakap mengenai satu tajuk umum iaitu "My Hobby/Hobbies". Untuk tugasan ini, terdapat ramai informan melakukan pengelakan topik atau mesej sekiranya mereka menjangka pengetahuan linguistik atau leksikal akan menjadi penghalang bagi mereka untuk menyampaikan mesej. Selain daripada pengelakan, informan juga meminta bantuan kerjasama secara langsung atau pun tidak daripada pendengar semata-mata bertujuan untuk meneruskan penyampaian mesej supaya dapat dikongsi bersama dengan pendengar.

Semasa menjalankan tugasan perbualan berpandu, terdapat informan menggunakan strategi yang bersifat 'interactional' (Tarone, 1983). Strategi saling bertindak ini sememangnya sesuai dengan tugasan yang diberikan. Sesetengah informan mengguna strategi ini dengan begitu cermat sehingga tidak ketara dalam

perbualannya. Strategi jenis bantuan kerjasama yang digunakan itu kelihatan seolah-olah seperti sampukan atau celahan di antara kedua-dua penutur.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa jenis strategi komunikasi yang dapat dikesani. Strategi yang berunsur pencapaian dan pengelakan berjumlah 659 kesemuanya iaitu 58.2 %, sementara strategi yang berupa jeda artikulasi atau selang masa berjumlah 474 iaitu 41.8 %. Ini menunjukkan satu fenomena bahawa informan lebih cenderung menggunakan strategi komunikasi yang berunsur pencapaian dan pengelakan daripada banyak menggunakan jeda. Namun semua aspek penggunaan strategi diambil kira dan penggunaan jeda oleh informan dalam kajian ini tidak boleh diambil ringan sahaja. Semasa pemerhatian dilakukan, didapati informan menggunakan jeda sebagai satu langkah untuk mengambil masa dalam perancangan sesuatu perkataan atau frasa yang hendak diujarkan. Selalunya penggunaan jeda didapati sebelum informan dapat memberi sesuatu perkataan yang sesuai, atau pun sebelum ujaran sesuatu perkataan yang agak sukar. Oleh yang demikian, dengan penggunaan jeda, informan mendapat satu peluang untuk berfikir tentang apa yang ingin diujarkannya. Selang masa yang digunakan oleh informan juga didapati berubah-ubah mengikut tahap kecekapan masing-masing.

Informan dalam kajian ini nampaknya lebih berminat untuk menggunakan strategi pencapaian kerana terdapat 587 (89.1 %) jumlah jenis strategi pencapaian yang digunakan berbanding dengan strategi pengelakan yang berjumlah hanya 72 (10.9 %) sahaja. Ini bererti informan berusaha cuba menyampaikan mesej dengan menggunakan strategi pencapaian sebanyak 89.1 % berbanding dengan 10.9 % strategi pengelakan. Berikut ialah jadual data mentah dan peratus strategi komunikasi yang digunakan oleh informan.

Dalam jadual yang dibentangkan, jelas sekali menunjukkan bahawa informan banyak menggunakan strategi yang berdasarkan bahasa kedua. Strategi yang paling banyak digunakan dalam kategori ini ialah pengulangan 41.9 % diikuti oleh parafrasa 20.5 % dan penghampiran cuma 7.7 %. Terdapat hanya 0.8 % penggunaan perkataan yang tidak betul.

Jadual 5

**Jumlah Strategi Komunikasi Yang Ditemui dan
Peratus Strategi Komunikasi Yang Digunakan**

		Bilangan	Peratus
1.	Strategi Berdasarkan Bahasa Ibunda		
(a)	penukaran kod bahasa	36	5.4
(b)	terjemahan literal	64	9.7
2.	Strategi Berdasarkan Bahasa Kedua		
(a)	parafrasa	135	20.5
(b)	penghampiran	51	7.7
(c)	penggunaan perkataan yang tidak betul	5	0.8
(d)	pengulangan	276	41.9
(e)	generalisasi terlampaui (penemuan baru)	1	0.2
3.	Strategi Rayuan Bantuan Kerjasama		
(a)	rayuan secara langsung	5	0.8
(b)	rayuan secara tidak langsung	11	1.7
4.	Strategi Bukan Verbal		
(a)	untuk mengganti ujaran	0	0.0
(b)	menyertai ujaran	3	0.4
5.	Strategi Pengelakan		
(a)	pengelakan topik	46	7.0
(b)	meninggalkan mesej	26	3.9
		659	100.0 %
		====	=====

Informan juga banyak melakukan terjemahan secara literal 9.7 % dan penukaran kod bahasa 5.4 %, dan kedua-dua jenis strategi ini berdasarkan kepada bahasa

ibunda. Informan dalam kajian ini juga didapati tidak banyak menggunakan strategi rayuan bantuan kerjasama mahupun strategi bukan verbal. Malah tidak seorang pun yang menggunakan strategi bukan verbal untuk menggantikan ujaran.

Ramai di antara informan tidak menggunakan strategi pengelakan. Cuma terdapat 7.0 % menggunakan strategi pengelakan topik, dan 3.9 % meninggalkan terus mesej yang ingin disampaikan tetapi tidak berupaya untuk berbuat demikian.

4.2.1 Strategi Pengulangan

Strategi pengulangan adalah yang paling banyak sekali ditemui dalam data. Pengulangan yang dimaksudkan ialah pengulangan perkataan, frasa atau pun klausa. Kebanyakan informan menggunakan strategi pengulangan dengan tujuan untuk:

- (i) memberi penekanan kepada makna sesuatu perkataan;
- (ii) memanjangkan masa untuk memberi peluang mengingatkan kembali leksem bahasa Inggeris yang ingin diujarkan;
- (iii) mencari atau mendapatkan idea yang akan disampaikan;
- (iv) membetulkan kesilapan sebutan, kesalahan tatabahasa atau pun bentuk perkataan kata kerja, ganti nama dan sebagainya.

Berikut adalah contoh-contoh strategi pengulangan yang ditemui dalam data:

- (i) Pengulangan untuk memberi penekanan.

Contoh 1: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Tajuk: "My Hobby/Hobbies"

Informan YR: I dislike to listening to the heavy, heavy music like thrash, heavy metal and and so on.

Informan HA: but I think the sport is really, really good and it give a benefit to us, for example for our health.

- (ii) Pengulangan untuk memanjangkan masa supaya mendapat peluang untuk mengingatkan kembali leksem Bahasa Inggeris yang ingin diujarkan.

Contoh 2: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Tajuk: "The Chase"

Informan NZ: Er.....er.....on the way home er.....he.....he realise that someone er..... that someone.....follow him with a strange er.....with the strange face.

Informan FM: Ali felt very.....very afraid
and.....er.....he runs.....he
runs faster and faster.

Contoh 3: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Tajuk: 'My Hobby/Hobbies'

Informan AB: You can take about one hour
or two hours to.....to read
any magazine.

Informan NM: I believe when we play
hockey, it.....it will keep
.....keep us look younger
than our own.....than our
real age.

Contoh 4: Tugasan Perbualan Berpandu

Tajuk: 'Planning for a Holiday'

Informan HA: The.....the beach is not so
clean as er.....before and
.....they.....have a building
up there.

Informan HR: So em.....not only that we
can.....we can aa.....we can
do.....s.....activity,
activity such as scuba-diving
or snorkelling which we never
.....which we never do it
before.

- (iii) Pengulangan untuk mendapat idea yang akan
disampaikan.

Contoh 5: Tugasan Bercerita Berpandukan
Gambar

Tajuk: 'The Chase'

Informan FM: So Ali walk slowly.....
along the.....along the way
and.....and bring.....and
bring his boxes.

Informan HM: Afterward er.....he.....
.....he.....he felt so
frightened and.....thought
that man.....that, that man
want to.....to.....rob him.

Informan NM: The man.....the man er.....
the man er.....the man
return the.....return the
.....small box to him.

Contoh 6: Tugasan Lisan Separuh Berpandu
Tajuk: 'My Hobby/Hobbies'

Informan HN: I like to watch er.....news
er.....because.....it give
me more informations about
er.....the story is.....is
happen in our country and
other country.

Informan IA: I prefer to use my walkman
when I want to.....when I
want to listen to it. I
always erlistening to
music when er.....when.....
when I wanted to.....to do
my assignment.

Contoh 7: Tugasan Perbualan Berpandu
Tajuk: 'Planning for A
Holiday'

Informan AB:they said.....they
.....er.....they have
leisure activity like
snorkelling, er.....
swimming.....

Informan KR:and it's very soothing
and relaxing for your whole
body where you can.....
which is.....which is why I
think Langkawi is a better
place to visit.

- (iv) Pengulangan untuk membetulkan kesilapan
sebutan, kesalahan tatabahasa, bentuk kata
kerja atau ganti nama.

Contoh 8: Tugasan Perbualan Berpandu
Tajuk: 'Planning for a Holiday'

Informan HR: There's a lot of er hos.....
hotel, chalet we can get
from there.

Informan YR: We have to take about forty
minutes from er.....the
jetty to Pulau Pangkor.....
the jetty from Lumut to Pulau
Pangkor. So it doesn't mat
.....er it didn't matter,
that is for or.....or short.

Contoh 9: Tugasan Bercerita Berpandukan
Gambar

Tajuk: 'The Chase'

Informan SJ: One day after Ahmad went back
from the shopping, she.....
he.....one, one day after
Ahmad went to shopping.....

Informan RK: When she suspect.....he suspect.....that the man want to steal his thing, so he ran home quickly.

Informan HM: When.....drop by the bus, hehe.....his.....his present [pri'zent]..... present ['preznt] was er..... er.....one of his present was drop and he's not realise it.

Contoh 10: Tugasan Lisan Separuh Berpandu
Tajuk: 'My Hobby/Hobbies'

Informan ND: Whenever I have free time I like.....I love to.....readI love reading.

Informan SS: I've continue my organ lesson er.....I continue my organ lesson until I finish my grade 5.

Terdapat beberapa orang informan yang terlalu banyak bergantung kepada strategi pengulangan untuk menyampaikan mesej oleh kerana kekurangan pengetahuan linguistik dan tidak pasti mengenai sesuatu ungkapan, tetapi akhirnya dapat menyampaikan maksud yang dapat dikongsi bersama pendengar. Namun tidak dapat dinafikan di sini bahawa ada di antara informan yang langsung meninggalkan mesej walaupun setelah berkali-kali menggunakan strategi pengulangan.

4.2.2 Strategi Parafrasa

Sebanyak 20.5 % daripada jumlah strategi komunikasi yang ditemui ialah strategi parafrasa iaitu yang kedua tinggi jumlah penggunaannya. Menurut Corder (1981) parafrasa adalah satu perkara yang positif kerana ia menolong menyemarakkan komunikasi, dan ini lebih memberi input dalam bahasa kedua. Contoh parafrasa yang ditemui adalah seperti berikut:

Contoh 11: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Informan NM: After that, he saw he feel like someone was watching him.

Informan HM: As he turn around, the man stop er the man ask him to stop.

Informan MF: He didn't realise that he drop something he drop one of his item.

Contoh 12: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Informan AB: I watch many for movies I watch many kinds of movies.

Informan AF: The game I discovered the game when I went to my friend's room.

Contoh 13: Tugasan Perbualan Berpandu

Informan HR: At Teluk Cempedak there's no other activities there's no other interesting activities. Beside, we just can do is we what we just what we can do is just swimming and then shopping and relaxing.

Penggunaan parafrasa oleh informan dalam kajian ini menunjukkan sesuatu yang positif sedang berlaku iaitu informan dapat memberi ujaran yang lebih baik dan lebih bermakna daripada ujaran yang dibuat sebelumnya. Ini bererti informan telah dapat menguasai beberapa aspek linguistik bahasa kedua yang sedang dipelajarinya.

4.2.3 Strategi Terjemahan Literal

Strategi ini ialah strategi ketiga yang banyak digunakan iaitu 9.7 % daripada jumlah data. Informan menterjemah secara literal daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Walaupun ayat yang diujarkan itu dalam Bahasa Inggeris, tetapi struktur ayat tersebut ialah ayat Bahasa Melayu. Keadaan ini selaras dengan data soal selidik iaitu 41.7 % daripada informan berfikir dahulu dalam Bahasa Melayu dan kemudian terjemah ke Bahasa Inggeris sebelum bertutur dalam bahasa tersebut. Berikut ialah sebahagian daripada bahasa tersebut.

strategi terjemahan literal yang ditemui dalam data.

Contoh Data

**Terjemahan daripada
Bahasa Melayu**

Contoh 14: Ayat

- | | |
|---|---|
| (i) He thanks to the man. | Dia berterima kasih kepada lelaki itu. |
| (ii) He goes back to his house with a bus. | Dia pulang ke rumahnya dengan bas. |
| (iii) Suddenly he feel a man behind him. | Tiba-tiba dia terasa seorang lelaki di belakangnya. |
| (iv) He went home with feel so happy. | Dia pulang dengan rasa sungguh gembira. |
| (v) I not leave it my free time just goes like that. | Saya tidak biarkan masa lapang saya cuma berlalu seperti itu. |
| (vi) My mother doing small business for help my family. | Emak saya buat perniagaan kecil-kecilan untuk menolong keluarga saya. |
| (vii) It make me er fun. | Ia membuat saya seronok. |
| (viii) Then the school has transferred to Ampang Park. | Kemudian sekolah itu berpindah ke Ampang Park. |
| (ix) I love to hear to the radio. | Saya suka mendengar radio. |
| (x) The payment is not expensive. | Bayarannya tidak mahal. |

Contoh 15: Frasa dan Klausula

- | | |
|---|--|
| (i) he turn back | dia pusing ke belakang |
| (ii) to make the story | hendak dijadikan cerita |
| (iii) with compare to
another beach | berbanding dengan pantai
lain |
| (iv) he return back | dia pulangkan balik |
| (v) he go down from bus | dia turun dari bas |
| (vi) so very fun | sungguh seronok |
| (vii) like we study | macam kita belajar |
| (viii) with watching
television | dengan menonton
televisyen |
| (ix) if you drive like
a mad man | kalau anda pandu macam
seorang gila |
| (x) if you are
slower and cool | kalau anda perlahan dan
tenang |

Dengan menterjemah secara literal ujaran yang hendak disampaikan, informan dapat mengemukakan maksud dengan lebih jelas kepada pendengar yang kebetulannya berkongsi ciri-ciri bahasa yang sama. Walaupun pendengar tidak mempunyai ciri-ciri bahasa yang sama, ia masih mampu memahami apa yang ingin disampaikan oleh penutur tersebut.

4.2.4 Strategi Penghampiran

Strategi ini memerlukan kreativiti informan untuk menyampaikan sesuatu maksud perkataan supaya pendengar dapat memahami dengan senang. Sebanyak 7.7 % strategi penghampiran digunakan oleh informan dalam kajian ini untuk mengatasi kekurangan pengetahuan leksikal. Dalam kajian ini informan boleh menyampaikan maksud sesuatu kata kerja dengan membegakan perbuatan supaya pendengar mendapat gambaran yang jelas mengenai perkataan sebenar yang hendak disampaikannya.

Ada kalanya informan menggunakan strategi penghampiran bagi perkataan yang mempunyai sebutan yang hampir sama dengan sebutan bahasa sasaran. Keadaan ini berlaku mungkin kerana mereka masih lemah dalam penyebutan perkataan tertentu dalam Bahasa Inggeris. Penghampiran sebutan perkataan ini akan memberi makna yang berbeza sama sekali kepada pendengar. Berikut ialah contoh-contoh penghampiran yang mempunyai banyak persamaan dengan perkataan sasaran yang dimaksudkan oleh informan.

Contoh 16:

Penghampiran	Perkataan Sasaran
nearly	near
pull	pluck
stayed	located
box/present	parcel
book stall	book store
separation	classification
fall down/left/miss	drop
stairs	steps
recognise	realise
shame	shameful
lonely	alone
title	entitle
robber	rob
drop from the bus	get down from the bus
floor	ground
spoil	polluted

Selain daripada penghampiran maksud, terdapat juga penghampiran sebutan yang dilakukan oleh informan dalam kajian ini. Contoh yang ditemui dalam data adalah seperti berikut:

Contoh 17:

Penghampiran Sebutan	Sebutan sasaran
sin	since
wit	with
genius	guiness
outer	author
dough	though

Penghampiran sebutan perkataan-perkataan seperti ini boleh mengelirukan pendengar sekiranya tidak disebut dalam konteks. Perkataan tersebut juga memberi maksud yang jauh berbeza dengan maksud sebenar. Namun penutur dan pendengar yang mengambil bahagian dalam kajian ini tidak mempunyai masalah untuk memahami maksud yang ingin disampaikan. Strategi ini mungkin digunakan kerana informan dalam kajian ini belum mantap dengan sebutan sesetengah perkataan dalam Bahasa Inggeris.

4.2.5 Strategi Pengelakan

4.2.5.1 Pengelakan Topik

Pengelakan topik mengikut Corder (1983: 17) adalah 'a refusal to enter into or continue a discourse within some field or topic' oleh kerana penutur kekurangan

pengetahuan linguistik. Pendapat ini didapati benar sekali kerana inilah apa yang dilakukan oleh informan dalam kajian ini apabila mereka merasakan pengetahuan linguistik mereka akan menjadi penghalang kepada apa yang hendak diujarkan, lantas mereka mengelak dan menukar arah dengan meluahkan ujaran yang agak berbeza sedikit daripada apa yang harus diperkatakan sebelumnya. Sebanyak 7.0 % strategi ini ditemui dalam data. Walaupun begitu mereka masih mampu meneruskan ujaran sehingga tidak terlalu ketara kepada pendengar. Contoh-contoh pengelakan topik adalah seperti berikut:

Contoh 18: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Informan HM: After his er after that he walk along the path He start running and run until come to until, until near to his house, and the man close to him.

Informan HZ: Without he realising it a man is following him from the from from, from the behind from his A man is following him.

Informan MN: he felt so afraid and he try he walk faster he walk faster.

Informan NA: When she reach when he reach at the aa He went out from the bus.

Contoh 19: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Informan NZ: Today I want to talk about my hobbies.
Em my hob I like, I like
sing.

Informan FM: Sometimes ah I can I will
spend my whole days just for
reading.

Informan AB: I don't go to cinema because I don't want
disturb my study with movies because
movies if you watch movies, it take
your many of your times.

Informan AF: I have my hobby is playing games
especially video games.

Informan NY: My hobbies are reading and listening to
the music. Aa I like the
types of aa the types of aa I
like reading because aa it gives me
aa more knowledge about aa
extra knowledge.

Contoh 20: Tugasan Perbualan Berpandu

Informan HR: Aa this is because em Teluk
Cempedak there's not there's
er we cannot apa?

Informan NA: I also agree with you because if we go
there we can er spend er we
can buy for shopping at duty free complex
and a lot of facility.

Informan AF: I can imagine that. I heard that you
.... there the tea plantation
was at there, right?

Informan ND: I think Port Dickson have a a
a.....a clean beach and a and
there's a lot of facilities like er
chalet and other facilities.

Dari contoh-contoh yang dikemukakan, didapati informan tidak dapat meneruskan ujaran kerana beberapa kemungkinan. Selain daripada kekurangan pengetahuan linguistik dari segi leksem dan leksikon informan mungkin terlupa fakta yang ingin disampaikan. Kesukaran untuk menstruktur ayat juga menjadi penghalang bagi informan untuk meneruskan ujaran sehingga terpaksa menghentikannya di pertengahan struktur ayat tersebut, dan memulakan dengan struktur yang baru supaya komunikasi dapat diteruskan. Namun informan yang menggunakan strategi pengelakan ini agak cekap untuk tidak memperlihatkan sesuatu pengelakan topik semasa berkomunikasi.

4.2.5.2 Meninggalkan Mesej

Walaupun informan mencuba seberapa daya untuk meneruskan ujaran, namun mereka masih tidak berupaya untuk berbuat demikian kerana pengetahuan linguistik mereka tidak mengizinkan. Cuma terdapat 3.9 % sahaja strategi jenis ini dalam data. Menurut Corder (op.cit), strategi meninggalkan mesej ini adalah

sesuatu yang 'trying but giving up'. Ini menunjukkan percubaan yang dilakukan untuk menyampaikan mesej itu berakhir dengan begitu sahaja dan mesej yang hendak disampaikan itu langsung tidak kesampaian dan struktur ayat menjadi terbantut. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

Contoh 21: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Informan NZ: Er he thank to the man and and he he is so he he thanks to the man and and er and he went home.

Informan YR: On on his on his hand, he there there were many er many things that he bought from a mall.

Contoh 22: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Informan FM: Wit this, this hobbies we can have more knowledge and this is good for our future. Ah (senyum dan memandang sekeliling) ah (senyum) I think that's all.

Informan HR: I will cycle with my father to to Taman Cahaya Sri Alam and em That's all.

Contoh 23: Tugasan Perbualan Berpandu

Informan HA: But as I know before when er
when you go there before?
The beach is looks dirty and
it's going something look like er
..... I don't know.

Dari contoh-contoh yang dikemukakan, strategi meninggalkan mesej dapat dikesan dengan jelas. Kita dapat menganggap bahawa informan tidak dapat meneruskan ujaran kerana beberapa sebab tertentu iaitu yang utama sekali ialah mereka takut untuk melakukan kesilapan semasa ujaran. Mereka juga tidak mempunyai idea yang mencukupi untuk diketengahkan dan pengetahuan linguistik mereka juga tidak mengizinkan mereka meneruskan pertuturan atau perbualan.

4.2.6 Strategi Penukaran Kod Bahasa

Sebilangan informan dalam kajian ini telah menggunakan strategi penukaran kod bahasa berdasarkan bahasa ibunda. Sebanyak 5.4 % sahaja strategi penukaran kod ditemui dalam data ini. Namun strategi ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang positif kerana ia dapat membantu komunikasi. Informan didapati menukar kod bahasa apabila dalam keadaan terdesak untuk menyampaikan mesej. Dalam keadaan sedemikian, mereka seolah-olah bercakap pada diri sendiri tentang masalah

yang sedang dihadapi. Ada juga informan yang terus menukar kod bahasa apabila tidak dapat menyampaikan mesej dalam bahasa kedua. Berikut ialah contoh-contoh strategi penukaran kod yang ditemui.

Contoh 24: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Informan MN: Er he buy some present for her sister. Er alamak apa ni (perlahan) em after em on the way back he he go back to the er to his house by bus. when he apa aku nak cakap ni (perlahan).

Informan HR: Then er he run he run, lepas tu (perlahan) aa that man, the stranger caught him and aa he give the he gives the boy things alamak the the stranger caught him.

Contoh 25: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Informan NA: I always help my mother for doing something like er what is call er bungkus nasi lemak (ketawa).

Contoh 26: Tugasan Perbualan Berpandu

Informan HR: Aa this is because em Teluk Cempedak that's not there's er we cannot apa? Macam mana nak kata.

Informan AF: Have you gone to what Apa ni?
Ah, Blue Lagoon.

Ada di antara informan pula menggunakan 'kan' sebagai partikel semasa menyata dan partikel 'lah' dalam ayat penyata. Perkara ini berlaku mungkin kerana kebiasaan penggunaannya dalam percakapan sehari-hari dalam bahasa ibunda. Oleh yang demikian informan terbawabawa penggunaannya walaupun bertutur dalam Bahasa Inggeris. 'Kan' yang digunakan oleh informan dalam kajian ini adalah pendekan perkataan 'bukan' yang digunakan untuk mendapatkan pengesahan daripada pendengar mengenai sesuatu yang sedang dibincangkan. Oleh itu 'kan' di sini bolehlah disama ertikan dengan penggunaan 'question tag' di penghujung ayat Bahasa Inggeris. Namun 'kan' tidak pernah digunakan di akhiran sesuatu ayat tanya, tetapi sebaliknya partikel 'kah' digunakan.

Informan juga telah menggunakan partikel 'lah' dalam ujaran Bahasa Inggeris. Ini juga kerana kebiasaan penggunaannya dan mungkin untuk menegaskan lagi ayat yang diujarkan. Contoh-contoh penggunaan 'kan' dan 'lah' adalah seperti berikut:

Contoh 27: Penggunaan Partikel

It's costlykan

We both onlykan

I suggest Pulau Langkawilah.

I also agree with youlah

4.2.7 Strategi Rayuan Bantuan Kerjasama

4.2.7.1 Rayuan Secara Langsung

Sebilangan informan dalam kajian ini menggunakan strategi rayuan bantuan kerjasama dan sebanyak 0.8 % daripada jumlah data adalah rayuan secara langsung. Apabila meminta bantuan rayuan kerjasama, informan melakukannya dengan bertanya pendengar secara bersahaja tanpa segan silu atau secara berbisik. Ini adalah sesuatu yang positif kerana mereka ingin menyampaikan mesej dengan segera dan tepat. Strategi rayuan secara langsung yang ditemui adalah seperti dalam contoh-contoh berikut:

Contoh 28: Tugasan Bercerita Berpandukan Gambar

Informan MN: When he was aa (mengangkat kedua-dua kening seolah-olah meminta bantuan bertanyakan sesuatu kepada pendengar) when he was he went out from the bus.

Informan HR: One of his thing aa drop ek? (seolah-olah menyoal serta melihat kawan-kawan untuk mendapatkan kepastian) drop, drop (melihat kawan-kawan lagi untuk mendapatkan kepastian bahawa apa yang diujarkan itu betul).

Contoh 29: Tugasan Lisan Separuh Berpandu

Informan MN: It can apa? (secara berbisik kepada pendengar) it can apa add my knowledge.

Informan NA: My mum er doing something for er benniaga, benniaga apa? (bertanya kepada kawan-kawan secara berbisik; garu kepala dan bertanya lagi sekali secara perlahan). Benniaga apa? (Seorang pendengar menyebut 'business'). Ah! my mother doing small business for help my family.

4.2.7.2 Rayuan Secara Tidak Langsung

Strategi ini digunakan sebanyak 1.7 % sahaja. Informan tidak menyoal pendengar secara langsung tetapi menggunakan strategi bukan verbal dengan hanya memandang keliling dengan penuh makna, atau menggerakkan kening atau pun merenung kawan-kawan dengan harapan mendapat bantuan daripada mereka. Sekiranya strategi rayuan secara tidak langsung ini tidak berkesan, informan akan menggunakan strategi rayuan secara langsung untuk mendapatkan bantuan kerjasama daripada pendengar. Pada masa yang sama juga

informan mencuba menyampaikan mesej yang ingin disampaikan dalam bahasa kedua atau pun dalam bahasa ibunda walaupun terpaksa menggunakan strategi penukaran kod. Contoh strategi rayuan secara tidak langsung yang ditemui dalam data adalah seperti berikut:

Contoh 30: Tugasan Bercerita dan Percakapan

Informan MN: When he apa aku nak cakap lagi ni (berbisik sambil memandang kawan-kawan). When he step out from the bus one of er his present was drop but he didn't notice it.

Informan NA: I always help my mum for doing something like er what is call? (menyoal diri sendiri dengan harapan mendapat bantuan dari pendengar) er bungkus nasi lemak.

Informan MN: I like too read because it can em (minta bantuan kerjasama dengan mengangkat dan menggerakkan kedua-dua kening).

Setelah strategi rayuan secara tidak langsung ini tidak berkesan, informan tersebut terus menggunakan strategi rayuan secara langsung sambil mencuba menyampaikan mesej dengan menggunakan pengetahuan linguistik yang ada padanya seperti contoh berikut:

It can apa? (secara berbisik) it can apa add my knowledge.

Contoh 31: Tugasan Perbualan Berpandu

HR: I'm not plan at all aa

NA: How about you (perlahan)

HR: Ah, how about you? Do you plan any place for the holiday?

NA: And also the beach of the

HR: Black Beach (perlahan)

NA: The Black Beach.

Informan telah berusaha sedaya upaya untuk menyampaikan mesej dalam menggabungkan strategi bukan linguistik dengan melakukan beberapa pergerakan seperti merenung tepat pada kawan, mengangkat dan menggerak-gerakkan keping dan sebagainya untuk mendapatkan perhatian daripada pendengar. Informan berkenaan juga melakukan ini semua dengan harapan pendengar dapat menolongnya meneruskan ujarannya.

Strategi paralinguistik juga telah digunakan semasa informan membuat rayuan secara langsung atau pun tidak langsung. Informan didapati menyatakan pendengar secara berbisik, atau pun menyatakan diri sendiri secara perlahan agar pendengar dapat memberi bantuan yang sewajarnya. Pada umumnya strategi rayuan bantuan kerjasama dapat menolong informan meneruskan perbualan atau ujaran supaya mesej yang hendak disampaikan itu

tidak tergendala oleh gangguan linguistik yang terhad.

4.2.8 Strategi Penggunaan Perkataan Yang Tidak Betul

Dalam kajian ini cuma terdapat 0.8 % sahaja strategi penggunaan perkataan yang tidak betul. Ini menunjukkan bahawa ramai di antara informan yang tahu menggunakan perkataan yang betul dan sesuai dalam ujaran. Contoh penggunaan perkataan yang dimaksudkan adalah seperti dalam ujaran-ujaran berikut:

Contoh 32:

- (i) So he went back home into one road and it was a winny day.
- (ii) Many student, they all not working just stay at home, roundng or something else, but for me I like to working.
- (iii) Aa it aboid me from getting sleeping sleepy.
- (iv) I also like to read documentary book like cyclo cyclopedia.
- (v) I think hockey is not a dangerous playing a dangerous sport as what other else said about it.

Perkataan 'winny' dan 'aboid' yang digunakan oleh informan tidak terdapat dalam senarai leksikon Bahasa Inggeris. Selepas kajian introspektif, informan membuat pengakuan bahawa mereka tidak pasti bagaimana hendak menyebut perkataan sebenar iaitu 'windy' dan 'avoid' lalu mereka mengguna perkataan yang bunyinya seakan-akan dengan bunyi perkataan asal. Begitu juga halnya dengan perkataan 'cyclopedia' yang dimaksudkan 'encyclopedia'.

Strategi penggunaan perkataan yang tidak betul ini nampaknya bergabung dengan strategi terjemahan literal. Perkataan 'rounding' di sini bermaksud 'pusing-pusing' atau 'besiar-siar'. Begitu juga dengan penggunaan perkataan 'other else' yang bermaksud 'orang lain'.

4.2.9 Strategi Bukan Verbal

4.2.9.1 Untuk Mengganti Ujaran

Tidak ada seorang pun informan dalam kajian ini yang didapati menggunakan strategi bukan verbal untuk mengganti ujaran.

4.2.9.2 Menyertai Ujaran

Dalam data cuma terdapat 0.4 % sahaja penggunaan strategi ini dalam tiga kes berikut:

- (i) One of his thing has (membega tangan sambil menyebut 'jatuh') ah! fall when he was aa
- (ii) Scuba diving, we apa eh we can dive (membega tangan untuk menunjukkan perbuatan 'dive') the sea
- (iii) You just you can pull it (membega tangan seperti memetik buah) and eat anytime you like.

Informan nampaknya terpaksa membegakan tangan untuk menunjukkan sesuatu makna perbuatan atau kata kerja. Ini dilakukan supaya pendengar dapat berkongsi bersama perkataan yang dimaksudkannya. Strategi bukan verbal yang menyertai ujaran ini seolah-olah bertindan dengan strategi penghampiran iaitu kata kerja 'fall' yang dimaksudkan untuk 'drop', dan 'pull' untuk 'pluck'.

4.2.10 Strategi Generalisasi Terlampaui

Strategi ini adalah satu penemuan baru dalam kajian ini. Cuma seorang sahaja yang menggunakan strategi ini dengan hanya 0.2 % daripada jumlah strategi yang ditemui. Strategi generalisasi terlampaui ini boleh digolongkan dalam strategi yang berdasarkan bahasa kedua. Perkataan yang ditemui ialah 'runned'. Selepas kajian introspektif, didapati informan sebenarnya tahu tetapi dia terlupa untuk menggunakan perkataan yang sebenar iaitu 'ran', kerana kata kerja 'run' ialah salah satu contoh '*irregular verbs*' seperti 'go', 'take', 'buy' dan lain-lain. Walaupun informan terlupa akan perkataan sebenar, jelas di sini satu strategi generalisasi terlampaui telah digunakan untuk menyampaikan mesej. Ini menunjukkan bahawa informan telah menggunakan 'ed' sebagai tanda kata kerja lampau seperti yang digunakan bagi '*regular verbs*' iaitu 'play', 'clean', 'watch', dan lain-lain.

4.2.11 Strategi Lain Yang Ditemui

Selain daripada strategi yang dikemukakan, terdapat informan menggunakan strategi untuk mengingatkan kembali apa yang hendak diujarkan. Salah satu caranya ialah dengan menyatakan diri sendiri seperti terdapat dalam contoh berikut:

- (i) Have you gone to what? Apa ni? Ah!
..... Blue Lagoon.
- (ii) Em, I don't know, I don't know but apa?
Last holiday er this semester break
I'm going to Pulau Pangkor.

Informan juga mengambil masa untuk mengingatkan sesuatu dengan menggunakan strategi bukan verbal dengan cara berdehem atau buat-buat batuk. Dengan berbuat demikian, informan tidak menampakkan penggunaan jeda artikulasi yang berlebihan semasa menyampaikan mesej.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa semua informan dalam kajian ini menggunakan strategi semasa berkomunikasi. Penggunaan strategi seperti jeda artikulasi, pengulangan atau parafrasa amat ketara sekali apabila informan mengalami masalah untuk meneruskan ujaran. Ada kalanya informan terpaksa meninggalkan mesej apabila menemui jalan buntu setelah mencuba menyampaikan mesej.

Pengelakan topik juga dilakukan apabila informan tidak dapat lagi memikirkan tentang topik yang ingin disampaikan. Selain daripada melakukan pengelakan topik, informan juga menggunakan strategi bukan verbal atau paralinguistik dengan harapan mendapat bantuan daripada pendengar. Semasa menjalankan tugasan perbualan pula penutur dan pendengar didapati bekerjasama dan bermuafakat untuk menghasilkan perbualan yang teratur dan lancar.

Penggunaan strategi juga didapati berbeza mengikut tahap kecekapan informan. Bagi yang lebih mahir, mereka kurang menggunakan strategi, tetapi bagi yang kurang cekap, mereka lebih cenderung menggunakan jeda, pengulangan dan melakukan pengelakan topik atau meninggalkan mesej. Walau apa pun strategi yang digunakan untuk berkomunikasi, yang pasti ialah pada keseluruhannya informan dapat menyampaikan mesej dalam Bahasa Inggeris dengan jayanya.